



مجلس دائره كوالا پيله
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

TAWARAN SEBUT HARGA

Tarikh: 21 April 2026

Tawaran adalah dibuka kepada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Gred G2 di bawah tajuk yang bersesuaian dan berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah Tahun 2026 bagi menyertai sebutharga bagi kerja-kerja di bawah:-

Bil	Rujukan MDKP	No. Sebut harga	Projek	Gred & Pengkhususan	Tarikh Tutup /Jam	Harga Dokumen
1.	MDKP.NS 04.400-7/2026 -27	S08/2026	CADANGAN NAIK TARAF LANDSKAP TAMAN REKREASI JALAN BUKIT, NEGERI SEMBILAN	GRED G2 Kategori : CE Pengkhususan CE14 & CE21	7 Mei (Khamis) 2026 @ 12.00 t/hari	RM 50.00

2.0 Lawatan Tapak:

Tarikh : 28hb April 2026 (Selasa)
Pendaftaran : 10.00 pagi -11.00pagi
Tempat : Dewan Dato' Bahaman Shamsudin, MDKP.
Taklimat : 10.30 pagi

3.0 Syarat:

- 3.1 Hanya kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) sahaja layak menyertai sebutharga. **Kontraktor perlulah mendaftar sebelum membeli Borang Sebut Harga.**
- 3.2 Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **PEMILIK** syarikat/ kontraktor yang hadir untuk sesi pendaftaran pada tarikh yang telah ditetapkan. **HANYA PENAMA di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan, dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) sahaja yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat tersebut dan wakil adalah TIDAK DIBENARKAN.**
- 3.3 Hendaklah membawa sijil-sijil asal **SSM, CIDB, PKK dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** semasa lawatan tapak dan dipamerkan ketika pembelian borang di kaunter MDKP

- 3.4 **WAJIB** membawa cop syarikat bagi memudahkan pengisian borang.
- 3.5 Permohonan Kebenaran Khas untuk menyertai sebut harga di luar kod bidang adalah tidak dibenarkan
- 3.6 **PEMALSUAN BUTIRAN** di dalam Borang Pendaftaran dan Dokumen Berkaitan seperti SPKK (CIDB),PKK (CIDB),STB (BPKU) dan lain-lain dokumen yang berkaitan adalah **TIDAK LAYAK /TERBATAL** dan laporan kepada CIDB akan dibuat untuk tindakan undang-undang.
- 3.7 Dokumen Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Majlis Daerah Kuala Pilah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan,kelewatan dan MDKP tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran.
- 4.0. **Dokumen Sebutharga**
- 4.1 **Harga dokumen sebutharga bagi Gred G2 dijual dengan kadar: RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja).**
- 4.2 Dokumen sebutharga boleh dibeli di Kaunter Hasil, MDKP mulai **29hb April 2026 (Rabu) sehingga 6hb Mei 2026 (Rabu)** pada pukul 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.
- 5.0. **Tarikh Tutup:**
7hb Mei 2026 (Khamis) jam 12.00 tengah hari. Sebutharga hendaklah disertai dengan salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), SSM dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) yang masih sah serta dimasukkan ke dalam peti tender Majlis Daerah Kuala Pilah.
- 6.0 Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga yang paling rendah atau mana-mana sebutharga yang berpatutan.
- 7.0 **TIDAK DIBENARKAN** untuk membuat Pakatan harga/kartel seperti yang diarahkan oleh Pejabat Kewangan Negeri bertarikh 30 Julai 2020
- 8.0 Kerjasama dan penyertaan tuan diucapkan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSIH. MUFAKAT. SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,


(WIRA SYARIZA BIN TAHIR)
Setiausaha
Majlis Daerah Kuala Pilah